



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/E/0026
Tarikh : 16 Ogos 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2021**

**SUMBANGAN KEPADA AKAUN AMANAH BENCANA MELALUI PENGURANGAN ELAUN
DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga LGM ke-146 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran (JPA(S) 63/168/1 JLD. 3(4) berkaitan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19. Sumbangan ini adalah sebagai tanda prihatin dan sokongan LGM terhadap usaha Kerajaan dalam memerangi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini.

3. Sumbangan akan melibatkan pemotongan elaun Imbuhan Tetap Keraian (ITK) bagi Pengurusan Tertinggi dan Gred 44 hingga Gred 56 serta Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi gred 29 hingga Gred 41 untuk lantikan tetap sahaja yang akan dilaksanakan bagi tempoh 3 bulan bermula Ogos sehingga Oktober 2021.

4. Kadar dan tempoh pemotongan bagi tujuan sumbangan ini adalah seperti berikut:

Gred	Kadar Sumbangan	Tempoh
i. Gred Utama A/ Gred Khas dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Ogos, September dan Oktober 2021
ii. Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima	
iii. Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima	
iv. Gred 44 – 56 dan setara	5% daripada ITK yang diterima	
v. Gred 29 – 41 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

5. Semoga juga dengan sumbangan yang diberi dapat membantu memberi manfaat kepada yang memerlukan dalam mengharungi tempoh yang mencabar ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)